

# *Ujian tunggal B. Malaysia mulai tahun depan—M.*

13H 10 DEC 1973

**K. Lumpur, Selasa**

**K**EMENTERIAN Pelajaran mulai tahun depan akan mengadakan peperiksaan matapelajaran tunggal Bahasa Malaysia bagi MCE/SPM khusus untuk calon-calon persendirian yang mengambil matapelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan itu.

Mengumumkan ini dalam satu kenyataan, hari ini, Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad berkata, calon-calon berkenaan akan menjalani ujian lisan Bahasa Malaysia selepas peperiksaan bahagian bertulis yang akan diadakan dalam bulan Julai setiap tahun mulai tahun depan.

Katanya, ujian lisan itu dijadualkan dalam bulan Ogos, serentak dengan ujian lisan untuk calon-calon yang mengambil Bahasa Malaysia dalam peperiksaan Sijil Penuh MCE/SPM di hujung tahun.

Menurutnya, peraturan ini dibuat memandangkan begitu ramai calon-calon yang mengambil kertas Bahasa Malaysia dalam peperiksaan MCE/SPM setiap tahun, samada sebagai sebahagian daripada sijil penuh ataupun matapelajaran tunggal.

Perkembangan ini, tambahnya, menimbulkan masalah untuk mendapatkan pengawas-pengawas dan pemeriksa-pemeriksa dengan cukupnya bagi peperiksaan tersebut.

## **Diatasi**

Dr. Mahathir berharap, dengan adanya pepe-

matapelajaran selain daripada Bahasa Malaysia.

## **Bertulis**

Calun-calon berkenaan akan menduduki peperiksaan bertulis matapelajaran tunggal Bahasa Malaysia dalam bulan Julai dan matapelajaran-matapelajaran lain bersama-sama dengan calon Sijil Penuh pada akhir tahun.

Peperiksaan Bahasa Malaysia bulan Julai dan juga di akhir tahun adalah sama tarafnya. Kedua-dua peperiksaan matapelajaran itu akan didasarkan kepada satu sukatan pelajaran yang sama, katanya. Bentuk kertas soalnya juga adalah serupa, katanya lagi.

Keputusan peperiksaan matapelajaran tunggal Bahasa Malaysia itu akan diumumkan pada penghujung tahun.

riksaan matapelajaran tunggal Bahasa Malaysia MCE/SPM secara berasingan ini, masalah tersebut pasti dapat diatasi.

Beliau menjelaskan, untuk menyempurnakan lagi peperiksaan itu, calon-calon berkenaan tidak lagi dibenarkan mengambilnya pada peperiksaan Sijil Penuh MCE/SPM di akhir tahun.

"Seseorang calon hanya boleh membuat satu percubaan sahaja dalam tahun yang sama.

Matapelajaran Bahasa Malaysia di dalam peperiksaan MCE/SPM akhir tahun hanyalah khas untuk calon-calon Sijil Penuh," jelasnya.

Katanya, calon-calon yang ingin mengambil sebilangan matapelajaran sahaja termasuk Bahasa Malaysia dikehendaki mendaftar berasingan untuk mengambil peperiksaan matapelajaran tunggal Bahasa Malaysia dan untuk matapelajaran-